

04/08/2003

Kontraktor Melayu wajar pulih anggapan negatif masyarakat

Ahmad Fauzi Mustafa

JANGAN anggap kontraktor Bumiputera hidup senang lenang semata-mata memperoleh projek atau tender kerajaan yang bernilai berjuta ringgit atau beratus juta ringgit. Lebih-lebih lagi, projek yang diperoleh adalah daripada pihak yang sama sehinggakan timbul anggapan wujudnya kronisme atau pilih kasih pihak tertentu. Namun, apabila indah khabar daripada rupa berlaku, segala yang pincang diungkit sehingga ke lubang cacing.

Itulah realiti atau fenomena yang terpaksa ditempuh sebahagian besar kontraktor Bumiputera daripada pelbagai kelas tidak kira kelas A, B, C atau F yang dipandang serong oleh masyarakat mahu pun kerajaan sendiri.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Roslan Awang Chik, menegaskan anggapan masyarakat masa kini begitu negatif, malah lebih teruk sekiranya ada isu besar seperti projek makmal sekolah terbengkalai atau projek pembangunan seperti pusat perniagaan atau pasar awam tergendala.

Menurutnya, semuanya menuding jari terhadap kami (kontraktor) yang menganggap kontraktor tidak buat kerja, malah selama ini, mengaut keuntungan yang lebih tanpa peduli kos dan kualiti yang dilaksanakan terhadap sesuatu projek itu.

"Sememangnya PKMM mengakui ada kontraktor sedemikian rupa tetapi hanyalah segelintir dan mereka ini bergerak secara bersendirian dan tidak berdaftar, malah kadang-kala pihak tertentu dalam kementerian, jabatan atau agensi kerajaan perlu juga telus dalam soal pemberian tender.

"Sebagai contoh, isu makmal komputer sekolah terbengkalai malah tidak selamat dan semua orang tahu bahawa pemberian tender itu hanyalah dilaksanakan oleh kontraktor pembekal komputer dan mereka bukanlah kontraktor pembinaan.

"Di peringkat ini, siapa yang perlu telus (kementerian atau kontraktor yang dipilih) kerana ia membabitkan imej masing-masing.

"Atas faktor itu, PKMM yang mempunyai lebih 7,000 ahli bersedia menyenaraikan kontraktor Bumiputera yang berkelayakan tidak kira kelas untuk diketengahkan dalam melaksanakan projek kerajaan.

"Namun perkara itu tidak berlaku secara menyeluruh kerana pelbagai sebab. Antaranya tiada rujukan secara khusus terhadap mana-mana kontraktor oleh pihak berkaitan.

"Kita sebenarnya sudah pun mempunyai satu organisasi tersusun seperti PKMM bagi memudahkan mereka yang memerlukan khidmat kontraktor berkelayakan.

"Perancangan sudah elok tetapi pelaksanaan saja yang tidak berjalan lancar dan kerana itu, PKMM melihat masih berlaku lagi projek terbengkalai atau kontraktor yang cuba mengambil kesempatan.

"Seharusnya semua pihak terutama kerajaan perlu prihatin bahawa kontraktor Bumiputera masih lagi berwibawa dan mampu bersaing dengan kontraktor bangsa lain," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Pandangan itu turut dipersetujui Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Selangor, Marsum Paing, yang menyarankan setiap kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyemai sikap profesionalisme dalam membantu kontraktor Bumiputera.

Sebagai contoh, menurutnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang menawarkan tender terhadap mana-mana kontraktor yang difikirkan berkelayakan.

"Mereka (JKR) mempunyai pasukan penilaian dan teknikal yang baik dan efisien sehingga kita jarang-jarang mendengar ada projek terbengkalai atau

mempunyai sebarang masalah.

"Jika jabatan kerajaan telus, kontraktor juga boleh telus kerana masing-masing dapat melaksanakan tugas dengan baik demi pembangunan negara," kata Marsum.

Beliau menegaskan, apa yang penting ialah di peringkat awal bagi setiap tender itu hendaklah bermula dengan baik tanpa ada sekatan atau birokrasi kerana ia sebenarnya mencerminkan kejayaan awal dan berterusan.

"Malah, kumpulan kontraktor sebenarnya mempunyai semangat juang yang tinggi kerana secara realitinya, jika dua tiga kali mereka gagal mendapat tender atau projek, mereka ini tidak akan berputus asa.

"Kontraktor Bumiputera sentiasa terus cuba dan cuba walaupun menyedari ada pandangan serong daripada masyarakat umum," katanya.

Pada 24 Julai lalu, akhbar melaporkan Dr Mahathir menyelar sikap kontraktor Melayu yang masih tidak berubah, iaitu ingin mengejar keuntungan besar semata-mata dan mahu kaya cepat menyebabkan imej mereka tercemar dan jauh ketinggalan berbanding kontraktor berbangsa Cina.

Menurut Perdana Menteri, sikap mahu untung berganda itu menyebabkan mereka tidak memikirkan kesan jangka panjang kepada imej kontraktor Melayu.

"Bila dapat kontrak mereka jual kepada orang lain dan jika buat tidak bersungguh-sungguh menyebabkan projek gagal," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan berusaha sedaya upaya membantu kontraktor Bumiputera tetapi Bumiputera tidak mahu membantu diri sendiri.

"Kita perlu bertanya kepada diri kita kenapa kita tidak berjaya dan kenapa bangsa lain berjaya," katanya.